

23/11/1998

Kekuatan negara pada rakyat biasa: PM

KUALA KANGSAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kekuatan negara sebenarnya terletak di tangan rakyat biasa yang berani menyuarakan pendirian, termasuk membantah kebiadaban orang luar, bukan pada mereka yang melakukan demonstrasi jalanan.

Menurut Perdana Menteri, rakyat biasa ini adalah golongan majoriti yang tidak menonjolkan diri dan biasanya menyatakan pendirian mereka ketika pilihan raya umum dengan menyokong pihak yang diyakini boleh memenuhi kehendak mereka.

"Bagaimanapun, oleh kerana serangan biadab ini, mereka berasa kecewa serta terhina dan telah membuat pendirian mereka.

"Saya berasa kagum dengan sikap mereka kerana inilah sebenarnya kekuatan negara kita," katanya pada sidang akhbar selepas melawat kilang Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, di sini petang ini.

Dr Mahathir merujuk kepada tindakan pelbagai lapisan masyarakat di negara ini yang mengecam Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, kerana menyokong gerakan reformasi ketika menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Gore yang mewakili Presiden Bill Clinton ketika berucap pada jamuan makan malam Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac), seolah-olah menghasut penyokong gerakan reformasi dengan memuji mereka sebagai 'rakyat Malaysia yang berani'.

Tindakan Gore itu bukan saja dianggap campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia, malah bersikap tidak sopan apabila beliau terus meninggalkan majlis itu sebaik saja selesai berucap tanpa menjamah makanan yang disediakan.

Perdana Menteri memuji rakyat yang menyuarakan bantahan mereka terhadap kenyataan dan sikap pemimpin Amerika itu.

"Mereka bukannya berminat dengan politik, tetapi tahu apa kehendak mereka (bila tiba masanya)," katanya mengulas kebangkitan semangat nasionalisme apabila semakin ramai rakyat Malaysia menyatakan sokongan kepada negara dan kepemimpinannya.

Antara bantahan berkenaan termasuk kenyataan peribadi Pengerusi Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Tan Sri Dr Noordin Sopiee dalam iklan semuka penuh akhbar Berita Harian dan New Straits Times (NST) minggu lalu yang disokong ramai rakyat Malaysia setiap hari.

Terdahulu, beliau menutup kem pemantapan kepemimpinan Pemuda BN di Kem Bina Negara Ulu Kenas dekat sini yang disertai 200 pemimpin Pemuda BN dari seluruh negara.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai Program Cetusan Perasaan anjuran Kementerian Penerangan yang akan dilancarkan minggu depan bagi membolehkan rakyat menyuarakan pandangan mereka berhubung isu semasa terutamanya isu ucapan Gore.

"Saya fikir ramai orang biasa yang ingin menjelaskan pendirian mereka dan bilangan mereka ini lebih ramai daripada golongan aktivis yang mahu berbuat yang serupa," katanya.

Beliau berkata, selama ini pihak tertentu berpendapat hanya segelintir aktivis berminat untuk menyuarakan pendapat mereka mengenai perkara itu, padahal ramai rakyat biasa mempunyai pendirian tertentu tetapi tidak aktif dan tidak tahu mencari saluran untuk menyuarakan pendapat mereka.

Ditanya kemungkinan sikap yang ditunjukkan rakyat itu adalah rungutan

dan pandangan bertentangan terhadap pihak tertentu, Dr Mahathir berkata perkara itu memang selalu didengar, terutama teguran media asing kononnya media tempatan dikongkong kerajaan hingga pihak bertentangan sukar bersuara.

"Sebaliknya, kita dapati media asing menolak hak kita untuk menyuarakan pendapat kita sebab itu media asing kita lihat memberi laporan mirip kepada kehendak mereka.

"Mereka mempunyai agenda tertentu dan menutup mulut kita atau membuat tapisan sehingga kita tak boleh bercakap. Jadi secara langsung mereka samalah juga dengan tuduhan dilemparkan kepada kerajaan kononnya kerajaan menyekat penyuaran pendapat pihak yang menentang," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak mengamalkan sikap itu dan pihak berkenaan boleh bersuara, sebaliknya media asing tidak memberi tempat kepada kerajaan membuat penjelasan jika keadaan sebaliknya.

"Kalau diberipun dengan serta merta dalam laporan yang sama mereka akan menidakkan penjelasan kita," katanya.

Mengenai amanatnya kepada 200 pemimpin Pemuda BN di Ulu Kenas, Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Perak, berakhir hari ini, berkata kesempatan itu digunakan untuk menjelaskan keadaan politik semasa, terutama kegiatan penentang kerajaan menimbulkan kebencian sebagai alat untuk mendapat sokongan rakyat, termasuk kanak-kanak.

"Mereka membangkitkan perasaan kebencian kepada kerajaan dan saya dimaklumkan mereka sudah sampai pada tahap yang mana gambar saya ditunjuk kepada kanak-kanak kecil dan diberitahu orang yang semacam ini patut 'dipancung' kepalanya.

"Ini mereka ajar anak-anak dari kecil lagi supaya benci kepada orang, begitu rupa hingga diajar suruh pancung kepala orang lain. Ia (hasutan itu) kena kepada saya," katanya.

Dalam nada sedih Dr Mahathir berkata, beliau tidak mengambil berat perkara itu, tetapi "otak anak itu sudah dirosakkan kerana kebencian ibu bapa dan guru."

Katanya, guru yang membenci kerajaan itu mengalihkan kebencian mereka kepada anak mereka yang belum matang fikiran serta mudah dilentur serta dibentuk sesuka hati oleh guru atau ibu bapa yang cuba menanamkan unsur politik negatif kepada anak kecil mereka.

Ditanya sama ada kerajaan boleh ambil tindakan terhadap pihak terbabit, Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa cuba menyemai budaya mulia di kalangan masyarakat pelbagai kaumnya.

"Sepanjang masa kita bercakap tentang budaya mulia, tetapi ada orang bukan saja tidak mahu dengar, tetapi dihalang pihak tertentu supaya mereka tidak dengar nasihat yang baik itu," katanya.

(END)